

30 JUL 1996

Dialog - Reaksi

CADANGAN DR MAHATHIR DISAMBUT BAIK PESERTA DIALOG

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Ketua-ketua kerajaan, menteri serta pemimpin industri bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Nohamad

supaya kejayaan konsep Persyarikatan Malaysia dijadikan model gagasan perkongsian

bijak ke arah mewujudkan kemakmuran ekonomi sejagat.

Mereka bersependapat dengan Perdana Menteri bahawa Persyarikatan Malaysia yang dimulakan pada tahun 1983 telah membawa kepada kejayaan cemerlang ekonomi Malaysia sehingga muncul sebagai salah sebuah negara yang berjaya dalam pelbagai bidang.

Mereka bersetuju, konsep itu bukan sahaja menguntungkan kerajaan, malah sektor swasta dan memberi manfaat kepada rakyat.

Perkongsian bijak yang dicetuskan Dr Mahathir juga dianggap sebagai antara jawapan kepada pelbagai masalah dunia masa kini.

Presiden Bostwana, Sir Ketumile Masire berkata walaupun negaraya sudah mula mengamalkan konsep persyarikatan, mereka mendapat idea yang lebih jelas berhubung perkara itu selepas ucapan Dr Mahathir ketika merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi mengenai Perkongsian Bijak 1996 malam tadi.

Menteri Pengangkutan dan Teknologi Zimbabwe, Simon K. Moyo berkata dunia mesti berubah dan tidak terus bergantung kepada keadaan masa silam.

"Justeru itu, perkongsian bijak yang dicetuskan oleh Dr Mahathir adalah jawapan kepada masalah yang dihadapi dunia masa kini kerana ia memberi manfaat kepada semua pihak. Sektor swasta dan kerajaan perlu bertindak seperti keluarga bagi membangunkan ekonomi negara seperti di Malaysia," katanya.

Simon berkata, perkongsian bijak amat penting diperkenalkan di negara Selatan, khususnya di Afrika bagi mengukuhkan kerjasama yang sedia ada.

Menteri Kewangan Malta, John Dalli, bersetuju dengan Perdana Menteri bahawa kesatuan sekerja perlu berganding bahu bagi menjayakan konsep persyarikatan yang sekaligus membantu pelaksanaan perkongsian pintar.

Katanya, kesatuan sekerja juga harus menyedari bahawa peranan mereka adalah penting untuk menentukan kejayaan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara.

"Di Malta, kita mengutamakan kerjasama dan memaklumkan kepada kesatuan sekerja bahawa gabungan kedua-dua pihak adalah sebahagian daripada pelaksanaan proses pembangunan," katanya.

Pengerusi syarikat Rolls Royce United Kingdom, Ralph Robins yang juga pengerusi bersama dialog itu berkata semua pihak perlu mengamati cadangan Dr Mahathir untuk mendapat iktibar.

Katanya, kerjasama dengan kesatuan sekerja juga harus dijalin supaya konsep persyarikatan dan perkongsian bijak menjadi lebih cemerlang.

Pengarah Transfield Defence Systems, Peter Bowler berkata, saranan Perdana Menteri itu memang tepat kerana semua pihak boleh memberi sumbangan penting terhadap kejayaan perkongsian apa pun.

"Kenyataan Perdana Menteri itu adalah satu perkara yang amat penting kerana semua pembangunan adalah untuk masyarakat dan semua golongan masyarakat perlu memainkan peranan mereka untuk mencapai kejayaan," katanya.

Menteri Kerjaraya Mauritius, Muhammad Siddiek Chady berkata, kejayaan Malaysia sehingga kini sebenarnya adalah hasil perkongsian bijak dalam konsep persyarikatan yang didorong oleh daya kepemimpinan kerajaan. -- BERNAMA

ZAA WAT